

Haji Sanusi Mahmud Menjawab Rencana-rencana Qalam

Di bawah ini ialah satu rencana yang ditulis oleh al-Faḍīl Tuan Haji Sanusi Mahmud, Yang di-Pertuan Mahkamah Syariah Singapura, yang kita siarkan dengan sepenuhnya. Rencana ini demikian:

Bism Allāhi al-Raḥmāni al-Raḥīm

Saya telah terbaca dalam majalah Qalam keluaran bulan Oktober 1962 tiga buah makalah, yang pertama bertajuk “Kopi Pahit”, yang kedua “Masyarakat Islam dengan Hukum agama Islam” dan yang ketiga “Kandungan Rang Undang-undang Hukum Pentadbiran Islam (1960) dijadikan peraturan?” semua makalah-makalah ini ditulis oleh seorang yang masyhur kepada orang ramai sebagai seorang pembela Islam yang tulen (bukan palsu seperti kesemuanya alim ulama di Singapura, kerana tiada seorang pun daripada mereka itu terlepas daripada cercaannya) diajukan sebagai seorang alim ulama yang mendapat ilmu agama yang tulen dengan tidak berguru kecuali Allahuma dengan Tuan Haji Hasan Bandung dan yang bermegah bahawa tidak mempunyai apa jua ijazah. Malangnya, saya telah dapati di dalam makalah-makalah tersebut bahawa kebanyakannya (kalau tidak pun semuanya) tohmahan-tohmahan beliau terhadap Mahkamah Syariah, Yang Di-Pertuanya dan beberapa pegawai-pegawainya yang bertanggungjawab adalah semuanya bohong, karut lagi mengelirukan serta mengandungi tujuan-tujuan jahat dan hasad dengki, buktinya adalah seperti berikut:

(1) Beliau mengatakan “khabarnya konon Majlis Penasihat Islam Singapura di dalam mesyuaratnya telah mendatangkan syor supaya jangan membesarkan kisah perkahwinan Siput Sarawak yang kononnya walinya enggan. Orang hairan kenapa Majlis itu tidak menasihatkan kepada Mahkamah Syariah atau kadi-kadi yang berkenaan supaya mengahwinkan “nenek” itu kerana ia janda dan walinya wali bapa yang sebenarnya pula tidak ada? Apakah akhbar yang disalahkan sedang Mahkamah Syariah yang telah membuat “khilaf” itu tidak ditegur.

Jawapannya: Adalah bijak bagi Majlis Penasihat

Islam mengesyorkan supaya jangan membenarkan kisah perkahwinan Siput Sarawak yang telah disiarkan di dalam beberapa surat khabar-surat khabar dengan besar-besaran, tetapi adalah tidak benar dan tidak bijak beliau mengatakan dengan tidak usul periksa, bahawa Mahkamah Syariah telah membuat khilaf atau salah dan bahawa Siput Sarawak tidak ada wali bapa iaitu Dollah Sarawak, tetapi ia enggan menjadi wali Siput Sarawak, dan saya sendiri telah memberitahu Siput bahawa dia boleh berkahwin dengan cara wali hakim jika bapanya enggan menjadi walinya, dan *Chief* kadi sedia mengahwinkannya setelah ia menjalankan pemeriksaannya selama dua minggu menurut Undang-undang Islam tahun 1957, fasal (6) pecahan (3).

(2) Beliau mengatakan: khabarnya, menurut seorang sahabat yang hadir, Puan Seroja, Pegawai Kebajikan Mahkamah Syariah di dalam ucapannya di Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Melayu, tatkala ditanya orang tentang perbuatan Mahkamah Syariah “menyekat” bermadu dan menolak cerai-cerai kalau tidak persetujuan isteri – menyatakan takkanlah salah hukuman itu mengikut hukum syarak kerana tiga orang pegawai Mahkamah Syariah, daripada hakimnya, *Chief* kadi dan kadinya kelepasan Azhar.

Jawapannya: Saya sudah selidik bahawa kenyataan tersebut tidak pernah dikatakan oleh Puan Seroja, dan lagi Puan Seroja tidak pernah pergi ke Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Melayu tersebut. Saya berpendapat bahawa tohmahan yang semacam ini adalah sangat hina dan memburukkan nama orang serta adalah ia “label kes” bererti yang kena tohmah boleh meminta ganti rugi yang besar. Selain daripada itu beliau membuat ulasan yang merepek-repek

di atas berita sahabatnya yang tidak benar itu dan mencaci maki serta merendahkan taraf tiga pegawai Mahkamah Syariah tersebut yang tidak pernah bermegah-megah dengan ijazah Azhar mereka. Beliau berkata: Hai Puan yang tidak tahu hukuman Allah, tidakkah puan tahu bahawa banyak kadi yang dihukum ke neraka, walaupun ia berijazah lebih tinggi daripada Azhar kalau hukumannya menentang dan bertentangan dengan hukum Islam. Jangan pandang ijazah puan, kerana masih banyak yang berijazah itu suka melembutkan giginya daripada lidahnya kerana periuk nasinya. Mereka lalu melupakan hukum Allah dan membelakangkan hukum Allah kerana mereka sendiri tidak percaya bahawa rezeki daripada Allah. Faham apa tidak!

Jawapannya: Inikah macamnya kelakuan orang Islam yang sebenarnya yang hanya pendai mencaci orang dengan tidak usul periksa, serta pandai berdalil dengan ayat Qura'n dan hadith, tetapi lupa ia bahawa Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* menyuruh kita berteliti sebelum kita mempercayai sesuatu perkhabaran seperti firman-Nya dalam surah al-Hujrat ayat (6) **"yā ayyuhā al-Hadhīma 'amanū 'an jā'akum fāsīqun binabā'in fatabyayanū"** Ertinya *Wa Allāhu a'lam*: Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seseorang fasik membawa suatu berita maka hendaklah kamu selidiki atas kebenarannya.

Dengan ayat ini Tuhan memerintahkan kita supaya kita periksa dengan teliti dan menyelidiki adakah khabar itu benar atau tidak sebelum kita mempercayainya. Akan tetapi pengarang Qalam tersebut tidak menyelidikinya lalu beliau terus mempercayainya serta bertindak lebih jauh dengan tidak memperdulikan akibatnya, iaitu menghinakan setengah orang-orang Islam yang tidak bersalah dan juga memecahbelahkan perpaduan umat Islam di Singapura, maka termasuklah perbuatan beliau ini di dalam lingkungan "fitnah" yang dikutuk oleh Allah *'Azza wa Jalla* seperti yang tersebut di dalam firman-Nya, ***wa al-fitnatu ashaddu min al-qatl*** - surah al-Baqarah ayat (191) ertinya: dan adalah fitnah itu terlebih jahat daripada pembunuhan (membunuh orang) dan firman-Nya lagi, ***wa al-fitnatu akbar min al-qatl*** - surah al-Baqarah ayat (217) ertinya: dan adalah itu terlebih besar (dosanya) daripada pembunuhan.

(3) Bukti yang ketiga beliau berkata: Peguam Agung Singapura khabarnya telah mengemukakan kepada Majlis Penasihat Islam Singapura akan suatu peraturan meminta luluskan supaya tiap-tiap seorang lelaki yang hendak berkahwin tidaklah umurnya kurang daripada 18 tahun dan yang perempuan tidak kurang daripada 16 tahun. Khabarnya telah dipersetujukan cadangan itu dengan undi. Dan belum pun dikemukakan kepada badan perwakilan (Dewan Undangan) keputusan ini terus dijalankan kerana kononnya apabila seseorang hendak mengkahwinkan anaknya di bawah dari umur tersebut, kadi-kadi menolak. Kalau betul, ini sesungguhnya terlalu. Hukum agama diperkosa dan umat Islam tidak diberi peluang untuk berkata-kata di atas agamanya. Adakah agama Islam telah ditindas?

Jawabnya: Kenyataan ini adalah dusta semata-mata lagi yang bertujuan hendak mendatangkan fitnah untuk meruntuhkan Mahkamah Syariah sebagaimana yang telah digemburkan oleh beliau. Yang sebenarnya Mahkamah Syariah tidak pernah memerintahkan kadi-kadi supaya jangan mengkahwinkan lelaki yang berumur di bawah 18 tahun dan perempuan di bawah 16 tahun, tetapi Mahkamah Syariah ada mengarahkan kadi-kadi supaya jangan terus mengkahwinkan perempuan yang berumur di bawah 15 tahun, bahkan hendaklah mereka mendapat izinnya terlebih dahulu daripada Yang di-Pertua Mahkamah Syariah Singapura setelah sesuatu pemeriksaan dilakukan ke atas perempuan itu oleh yang dipertuan tersebut. Saya sendiri telah memberi izin kahwin kepada dua orang perempuan yang berumur di bawah 15 tahun di dalam bulan yang lalu, setelah saya dapati bahawa mereka itu cukup layak dikahwinkan. Dari itu saya cabar beliau membawa kadi-kadi yang menolak berhadapan dengan saya. Jika tidak maka nyatalah bahawa tohmahan beliau ialah semata-mata fitnah yang dikutuk oleh Allah *al-Shadīd al-'Iqāb*.

(4) Beliau berkata: Alkisah seorang perempuan telah di hukuman nusyuz, ertinya ia tidak boleh kahwin lagi. hukuman ini telah berjalan mengikut syarak. Suaminya kalau sanggup boleh berkahwin lagi hingga kepada tiga perempuan

Sambungannya pada muka 35

Haji Sanusi Menjawab Qalam

Sambungan dari muka 5

lain. Tetapi menurut peraturan Mahkamah Syariah, untuk peri kemanusiaan barangkalinya, lelaki itu tidak boleh berkahwin lagi, habis bagaimana? *I love u, u love me*, sudahlah dan dosanya pembuat undang-undang itu harus dikenakan. Padahalnya - neraka - kalau tak percaya tanya sama Cemeti al-Farouk.

Jawapannya: Ini lagi satu dusta atau fitnah! kerana peraturan Mahkamah Syariah bukan berdasarkan peri kemanusiaan dengan buta tuli, kekuasaan memberi izin berkahwin lagi kepada seseorang lagi-lagi yang mempunyai isteri yang masih hidup adalah terletak di tangan *Chief* Kadi yang hanya memberi izin tersebut setelah suatu pemeriksaan yang lengkap dan tertentu serta setelah ia berpuas hati bahawa lelaki tersebut adalah kuasa melayani kedua-dua isterinya itu dengan adil dan persamaan serta kuasa pula memberi nafkah kepada isterinya itu dan sekalian anak-anak mereka. Insha'Allah neraka itu bagi orang-orang yang membuat fitnah yang dustanya lebih besar daripada membunuh seseorang Islam, kalau tak percaya tanya sama Yang Dipertua Mahkamah Syariah.

Dalam Makalahnya bertajuk: "Masyarakat Islam Dengan Hukum Agama Islam."

(5) Beliau berkata "Di Singapura dan di Selangor, dengan kerana kononnya hendak mengetatkan peraturan-peraturan nikah dan cerai, sebagaimana yang kita pernah tulis, lalu mengadakan peraturan bahawa seseorang suami tidak boleh berkahwin lagi melainkan mendapat izin daripada isterinya dan tidak begitu sahaja tetapi lebih dikatakan lagi seperti yang ditulis dalam dua rencana kita keluaran Qalam yang lalu, begitu juga mengenai perceraian tidak boleh seseorang suami menggugurkan cerai melainkan dengan persetujuan isteri dan sahkan oleh kadi-kadi mahkamah.

Jawapannya: Saya tidak tahu apa yang berlaku di negeri Selangor, tetapi saya mengetahui peraturan nikah dan cerai di Singapura. Dari itu jawapan saya tidak ada peraturan di Mahkamah Syariah Singapura bahawa seseorang suami tidak boleh berkahwin lagi melainkan mendapat izin daripada isterinya. Saya rasa bahawa pengarang Qalam sendiri tidak yakin adanya peraturan tersebut di Mahkamah Syariah Singapura, kerana beliau memulai tuduhannya dengan perkataan "kononnya" sepatutnya hendaklah beliau yakin dahulu sebelum melahirkan tuduhan-tuduhannya tersebut. Peraturan yang sebenarnya ialah mengikut undang-undang Islam 1957 dan pindaan undang-undang Islam tahun 1960 bahawa seseorang yang telah sedia ada isteri mestilah meminta izin daripada *Chief* Kadi siapa hanya dapat memberi izin tersebut sesudah suatu pemberian yang lengkap dan tertentu dan setelah ia berpuas hati bahawa si suami boleh memberi layanan yang sama dan adil terhadap isteri-isteri itu dan mampu memberi nafkah kepada mereka dan anak-anak mereka. Dari itu jika *Chief* Kadi ada bertanya kepada isteri tuannya di dalam pemeriksaan itu dengan perkataan "adakah awak suka suami awak berkahwin lagi?" maka itu tidak bererti bahawa izin *Chief* Kadi bergantung jawapannya (isteri tua) jika ia tidak takut dengan ugutan suaminya, ialah dan mestilah "saya tidak suka. Siapakah yang suka dimadukan?. Begitu juga mengenai perceraian - adalah tidak benar tuduhan beliau bahawa "tidak boleh seseorang suami menggugurkan cerai melainkan dengan persetujuan isteri dan disahkan oleh kadi-kadi mahkamah." Yang sebenarnya jika seseorang lelaki menggugurkan cerai dengan tiada persetujuan isteri maka ia hanya boleh mendaftarkan cerainya itu di hadapan pendaftar setelah satu perbicaraan dilakukan di Mahkamah Syariah dan setelah sah di sisi mahkamah dengan perantaraan dua saksi yang mengetahui atau dengan pengakuan isterinya bahawa suaminya telah mengeluarkan lafaz talak keatasnya. Sesungguhnya kadhi-kadhi Singapura termasuk *Chief* Kadi dan Kadi Mahkamah Syariah tidak dibenarkan mendaftarkan apa jua perceraian melainkan kedua-dua

suami isteri hadir di hadapan mereka dan bersetuju hendak bercerai mengikut undang-undang Islam 1957 fasal (12) pecahan (3). Ini adalah dengan tujuan supaya suami jangan menceraikan isterinya dengan sewenang-wenangnya yang menyebabkan kemelatan kebanyakan daripada isteri-isteri yang kena cerai dan anak-anak mereka selain daripada menggalakkan perceraian dan membanyakkan bilangannya seperti yang telah berlaku sebelum Mahkamah Syariah diciptakan.

(6) Beliau berkata: Majlis Penasihat Islam dikatakan telah mempersetujui syor daripada Peguam Agung Singapura bahawa seseorang lelaki yang hendak berkahwin hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan perempuan tidak kurang daripada umur 16 tahun. Hal itu tentunya akan dikemukakan kepada Majlis Undangan tetapi khabarnya, keputusan itu telah pun dijalankan dan dijadikan peraturan oleh Mahkamah Syariah Singapura dengan menetapkan bahawa khabarnya kadi-kadi telah diperintahkan supaya tidak boleh mengahwinkan seseorang lelaki yang umurnya di bawah 18 tahun dan perempuan di bawah daripada 16 tahun.

Jawapannya: Saya telah jawab tuduhan ini di dalam jawapan saya nombor (3) tadi tetapi sekali lagi saya mencabar beliau supaya membawa sebarang kadi yang mendapat perintah seperti itu daripada saya. Jika beliau tidak dapat membawanya maka nyatalah bahawa tuduhan beliau ialah semata-mata fitnah yang dikutuk oleh Allah dan diberi beliau sendiri menjadi seseorang daripada khutba al-fitnah atau pensyarah-pensyarah yang menghasut fitnah, yang adalah dosanya terlebih besar daripada membunuh seseorang Islam yang tidak bersalah.

(7) Beliau berkata: Umat Islam, terutamanya, hendaklah ingat bahawa perkembangan yang disekeliling kita sekarang telah banyak terpesong daripada agama. Anak-anak muda telah menjauhkan dirinya daripada agama.

Jawapannya: Sungguh bagus perkataan beliau pada kali ini! Tetapi saying seribu kali saying beliau pandai memberi ingat dan menasihatkan orang lain tetapi diri beliau sendiri tidak memakainya atau menjalankannya. Saya suka bertanya berapakah daripada anak-anak beliau yang bersekolah agama? Dan berapa yang bersekolah Inggeris? Saya yakin

bahawa jawapan beliau akan memeranjatkan tuan-tuan pembaca sekalian. Saya takut bahawa seseorang dua daripada anak-anak perempuan beliau yang bersekolah Inggeris tinggi sekarang akan mengetawakan nasihat beliau kepada umat Islam itu, terutamanya alim ulama. Selain daripada itu saya suka bertanya kepada beliau iaitu kalau beliau adalah sebenarnya pembela Islam tidak takut kepada sesiapa melainkan kepada Allah, kenapakah beliau pernah mengeluarkan sebuah majalah poket yang bernama "Aneka Warna" yang pada suatu masa dahulu sangat disukai oleh pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Islam kerana majalah tersebut berisi dengan gambar-gambar wanita jelita dari berbagai bangsa yang setengahnya berpakaian tiga suku telanjang sehingga nampak buah dada dan punggungnya dan yang setengahnya mempunyai "posing" yang menjolok mata serta pula mengandungi cerita-cerita jenis yang dipandang oleh orang-orang Islam dan sebahagian daripada orang-orang yang bukan Islam sebagai cerita-cerita lucu? dari itu, patut Diingat, bahawa kerajaan PETIR telah mengharamkan pengeluaran majalah tersebut dan merampas lesennya pada tahun 1959, kerana ia dianggap oleh kerajaan sebagai kebudayaan kuning yang boleh merosakkan akhlak dan kesusilaan pemuda dan pemudi-pemudi umumnya.

Di dalam makalahnya yang ketiga bertajuk "Kandungan Rang Undang-undang Pentadbiran Islam (1960) Dijadikan Peraturan?"

(8) Beliau berkata: dengan tidak adanya undang-undang yang dikemukakan itu (yakni Undang-undang Pentadbiran Islam 1960 itu dikemukakan kepada Majlis Undangan Singapura maka kuatkuasa undang-undang Islam 1957 dengan sedikit pindaannya 1960 berjalan kuatkuasanya. Tetapi sempadan undang-undang itu, nampaknya, daripada apa yang dikhabarkan, telah melewati batas undang-undang tersebut, iaitu dengan menjadikan peraturan-peraturan baharu di dalamnya yang hampir-hampir keadaannya seperti yang di dalam Rang Undang-undang Hukum Pentadbiran Islam yang telah ditarik balik untuk disemak semula itu.

Jawapannya: Tuduhan ini adalah tidak benar sekali-sekali. puncanya ialah kerana kejahilan beliau atau kejahilan orang-orang

Sambungan pada muka 39

Haji Sanusi Menjawab Qalam

Sambungan dari muka 36

yang memberi khabar kepada beliau tentang Undang-undang Islam 1957 dan pindaannya 1960, kerana kalau sekiranya beliau atau pemberitanya membaca undang-undang tersebut dengan teliti dan tanpa prasangka yang salah nescaya beliau atau pemberitanya itu mengetahui bahawa kebanyakan isi undang-undang itu termasuk di dalam Undang-undang Pentadbiran Islam 1960 yang belum diluluskan itu. Maka oleh yang demikian tuduhan yang tersebut lenyap dengan sendirinya kerana ketiadaan hakikatnya sama sekali.

(9) Beliau berkata: Perkara-perkara seperti menyekat berkahwin lebih daripada satu dengan syarat meminta izin terlebih dahulu kepada isteri tua, suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak ada persetujuan isterinya, kejadian-kejadian seorang suami yang telah menceraikan isterinya dengan talak *şarih* tidak mahu didaftarkan, adalah perkara-perkara yang nampaknya telah dijadikan peraturan-peraturan yang dijalankan, sedang di dalam undang-undang yang berjalan kuatkuasanya (1957) dan pindaannya (1960) sedikit pun tidak ada menyebut perkara itu.

Jawapannya: Terjemahan ini puncanya juga ialah kejahilan beliau atau kejahilan pemberitanya dengan Undang-undang Islam 1957 dan pindaannya (1960). Untuk menjawab satu persatunya saya suka menjelaskan bahawa:

(A) Perkara menyekat berkahwin lebih daripada satu dengan syarat meminta izin terlebih dahulu kepada *Chief* Kadi (bukan kepada isteri tua) diunjuk dengan syarat *Chief* Kadi berpuas hati setelah suatu pemeriksaan dalam tempoh dua minggu bahawa suami kuasa melayani kedua-dua isterinya itu dengan adil dan persamaan serta mampu memberi nafkah kepada mereka dan anak-anak mereka adalah menurut pindaan Undang-undang Islam 1960. Persetujuan isteri tidak diambil iktibar.

(B) Perkara suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak persetujuan isterinya adalah tidak benar. Saya sendiri sebagai hakim Mahkamah Syariah telah mendaftarkan dalam tahun ini kira-kira sepuluh perceraian setelah suami melafazkan talak isterinya pada hal isterinya itu tidak setuju bahawa dia di talak oleh suaminya. Cuma menurut Undang-undang Islam fasal (12) pecahan (3), kadi-kadi tidak dibenar mendaftarkan sebarang perceraian melainkan setelah mereka berpuas hati bahawa kedua-dua pihak suami isteri bersetuju.

(T) Perkara seorang suami yang telah menceraikan isterinya dengan talak *şarih* tidak mahu didaftarkan. Ini tuduhan tidak terang, kerana beliau tidak menerangkan “tidak mahu didaftarkan oleh siapa-siapa?” jika katanya oleh hakim Mahkamah Syariah maka tuduhan itu dusta. Tetapi jika katanya, oleh kadi-kadi dan *Chief* Kadi, maka itu adalah benar jika isterinya tiada hadir di hadapan Kadi itu atau tiada bersetuju menaruh tanda tangannya di dalam daftar cerai. Ini adalah menurut fasal (12) pecahan (3) dari Undang-undang Islam 1957 tersebut tadi.

(10) Beliau berkata: Umat Islam adalah dikenakan undang-undang Piagam Wanita di Singapura (dikecualikan bahagian dua dan empat) pada hal tatkala undang-undang itu dikemukakan, Menteri Kehakiman sendiri menyatakan bahawa keseluruhannya undang-undang itu tidak dikenakan ke atas umat Islam.

Jawapannya: Setahu saya menurut Seksyen (3) pecahan (2) dari piagam wanita yang dikecualikan ialah bahagian dua, tiga, empat, lima, enam dan sembilan serta seksyen (166), bukan yang seperti beliau katakan iaitu yang dikecualikan ialah bahagian dua dan empat sahaja. Nampaknya beliau sangat berani menulis dengan tidak teliti atau berpenat sedikit mengulangkaji Piagam Wanita tersebut supaya jangan ditertawakan orang di belakang hari. Demikian juga hal beliau apabila beliau mengatakan bahawa Menteri Kehakiman sendiri menyatakan bahawa keseluruhannya undang-undang itu tidak dikenakan di atas umat Islam, setahu saya seperti yang bersebut¹ di dalam “*Hansard*” dewan undangan

¹ Perkataan sebenar: tersebut

pada 24.11.61 Menteri Kehakiman ada berkata di dalam Dewan Undangan ketika menyampuk serangan Doktor Syin Nam Syin berkenaan dengan poligami bahawa “Undang-undang Piagam Wanita itu tidak dikenakan ke atas orang-orang Islam” yang bererti Undang-undang Piagam Wanita yang berhubung dengan poligami itu tidak dikenakan ke atas orang-orang Islam – bukan seperti faham beliau yang tidak berasas bahawa keseluruhannya undang-undang itu tidak dikenakan ke atas umat Islam- buktinya: Menteri Kehakiman ada berkata lagi setelah itu bahawa “orang-orang Islam bukan monogamus” ertinya bukan orang-orang yang beristeri satu.

(11) Beliau berkata: Sekarang pula oleh “ahli-ahli bijak pandai” di Majlis Islam Penasihat Islam sedang bercita-cita hendak menjadikan Undang-undang Piagam Wanita bahagian empat itu dikenakan atau dijadikan pula undang-undang umat Islam.

Jawapannya: Sebelum saya menjawab tuduhan ini saya suka menerangkan di sini kekhilafan beliau- nampaknya beliau tidak dapat membezakan angka enam VI dengan angka empat IV romani. Dari itu beliau sangka serta menulis dengan tidak bertanya (dikecualikan bahagian dua dan empat) tetapi yang sebenar-benarnya dua dan enam. Saya harap dengan penerangan ini beliau akan menerima kekhilafan beliau yang tersebut:

Sekarang saya hendak menjelaskan di sini bahawa tuduhan beliau terhadap sekalian anggota Majlis Penasihat Islam kecuali pemberita sulit beliau adalah tidak betul dan tidak jujur, kerana undang-undang bahagian enam itu adalah terlalu sekali kalau mereka itu dicaci dan dinasihatkan supaya mereka beramai-ramai meletakkan jawatan kerana jika tidak, kata beliau ini bererti mereka hanya mengutamakan kedudukan dan tempat sahaja, atau sekurang-kurangnya mereka bersubahat memperbuat sesuatu yang bertentangan dengan hukum Allah.

tuan-tuan sidang pembaca yang mulia,

Di sini saya cuma dapat mengatakan Subhanallah ertinya maha suci Allah yang tuduhan beliau boleh sampai kepada peringkat ini terhadap setengah daripada alim ulama di Singapura yang menjadi anggota di dalam Majlis Penasihat Islam tersebut, adakah beliau menyamakan ulama-ulama tersebut dengan diri beliau sendiri iaitu apabila ditanya orang pada suatu masa dahulu kenapa beliau mencetak dan menjual serta menulis cerita-cerita jenis yang dianggap lucu atau kebudayaan kuning di dalam majalah Pokel beliau “Aneka Warna?” lalu beliau berkata: apa nak buat kerana periuk nasi saya. Nampaknya beliau mempunyai otak yang sangat pelupa, kerana beliau baru-baru ini telah menuduh tiga orang lepasan Azhar dengan tidak silu-silu lagi bahawa mereka itu bersifat seperti sifat beliau yang beliau sendiri mengakuinya. Sekali lagi saya berucap *subhāna Allāh al-ladhī yughayyiru wa lā yataghayyir*: Maha suci Allah yang mengubah-ngubahkan sesuatu tetapi ia sendiri tidak berubah. Sebelum saya sudahi jawapan saya ini terpaksa mengatakan untuk pengetahuan umum bahawa tidak ada seorang daripada anggota-anggota Majlis Penasihat Islam telah membutuhkan persetujuan di atas undang-undang bahagian enam tersebut. Kewajipan tiap-tiap anggota tersebut ialah memikirkan dan membahar sesuatu yang berkenaan dengan agama untuk faedah orang-orang Islam yang tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam yang sebenar, dengan tidak menerima sebarang gaji atau upah, atau timbang kereta sekalipun. Dari itu berkenaan nasihat beliau supaya sekalian anggota Majlis Penasihat Islam beramai-ramai meletakkan jawatan, saya sangat setuju serta mendokongnya jika mereka itu mendapat balasan di atas penat lelah mereka, bukan terima kasih orang-orang Islam Singapura, bahkan cercaan dan nista seperti yang telah dilampirkan kepada mereka oleh pengarang Qalam.

Haji Muhammad Sanusi Mahmud